

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

**TARIKH JAWAPAN : 17 JUN 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan permohonan pelaksanaan Skim Bekalan Air Mentah dari Sungai Perak (SPRWS) Pulau Pinang RM2 bilion bagi menjamin bekalan air mulai 2020. Sekiranya tidak, kenapa dan apakah langkah bagi mengelakkan bekalan air yang mencukupi menjelang 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Pada masa ini, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pelaksanaan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang di Pulau Pinang berjumlah RM1.2 bilion. Projek yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan ini dijangka siap menjelang tahun 2016 dan akan meningkatkan kapasiti takungan air mentah sedia ada dari 22 juta meter padu ke 73.5 juta meter padu iaitu peningkatan sebanyak 51.5 juta meter padu dan mampu membekalkan air mentah di seluruh negeri Pulau Pinang sehingga melepasi tahun 2020.
2. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan operator bekalan air perlu mengoptimumkan penggunaan air Empangan Mengkuang dan pada masa yang sama mengutamakan usaha untuk mengawal penggunaan air per kapita kepada tahap yang munasabah. Sekiranya penggunaan air per kapita domestik bagi Pulau Pinang dapat dikawal sekurang-kurangnya pada paras 250 liter/kapita/hari bagi kawasan bandar dan 240 liter/kapita/hari bagi kawasan luar

bandar, saya percaya bekalan air mentah sedia ada di jangka mencukupi sehingga tahun 2030.

Tuan Yang Dipertua,

3. Kerajaan Persekutuan berpandangan bahawa Skim Bekalan Air Mentah dari Sungai Perak (SPRWS) ke Pulau Pinang boleh dilaksanakan. Untuk itu, Kerajaan Pulau Pinang perlu terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kerajaan Negeri Perak untuk membekalkan air mentah ke Pulau Pinang. Ini memandangkan sumber air adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Setelah persetujuan antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Perak dicapai, maka cadangan tersebut bolehlah diangkat untuk pertimbangan Kerajaan Persekutuan.
